

Media Title : Berita Harian
Headline : Dua wanita rugi lebih RM80,030
Date : 4 February 2023
Section : Nasional
Page : 19



Sindiket penipuan

Dua wanita rugi lebih RM80,030

Kuantan: Dua wanita rugi lebih RM80,030 selepas terpedaya dengan sindiket penipuan berkaitan penghantaran bungkusan mengandungi barang terlarang.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata mangsa masing-masing berusia 40 dan 41 tahun menerima panggilan daripada ahli sindiket yang menyamar pihak berkuasa pada 31 Januari dan 1 Februari lalu.

Kes pertama membabitkan seorang guru yang menerima panggilan telefon daripada nombor yang tidak dikenali memberitahu mangsa ada menghantar satu bungkusan

yang mengandungi barang terlarang.

"Taliah itu kemudian disambungkan kepada polis dan dimaklumkan mempunyai kesalahan lain dan mempunyai satu waran tangkap ke atasnya.

"Mangsa yang ketakutan kemudian disambungkan dengan seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Datuk Aman dan memintanya membuat pindahan wang jika mahu kesnya diselesaikan.

"Mangsa membuat transaksi sebanyak tiga kali ke dalam akaun bank yang diberikan sehingga mengalami kerugian berjumlah RM59,980," katanya

dalam kenyataan semalam.

Ramli berkata, mangsa kedua yang juga peniaga makanan menerima panggilan daripada seorang pekerja syarikat penghantaran barang.

Katanya, mangsa diberitahu ada bungkusan pos tidak boleh dihantar kerana bungkusan terbabit mempunyai barang terlarang seperti kad mesin juruwang automatik (ATM), buku cek dan kad sim.

"Panggilan mangsa disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dan bercakap dengan seorang Sarjan sebelum disambungkan kepada pegawai berpangkat Inspektor.

"Mangsa diberitahu mempunyai kaitan dengan sindiket jenayah berat dadah dan pengubahan wang haram.

"Mangsa diminta untuk memberikan butiran akaun bank untuk siasatan dan mangsa membuat pindahan wang sebanyak enam kali transaksi kepada empat akaun yang berbeza sehingga mengalami kerugian RM20,050.

"Dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksyen," katanya.

Ramli menasihati orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan panggilan yang tidak dikenali dan nombor telefon yang mencurigakan.